

MECD: LPKP/20/656/1 (49)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 10 TAHUN 2005

KADAR TAMBANG BARU BAGI
PERKHIDMATAN TEKSI DAN KERETA SEWA
DI SEMENANJUNG MALAYSIA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

TARIKH : 15 APRIL 2005

SEMUA PERSATUAN TEKSI
SEMUA PERSATUAN KERETA SEWA

KADAR TAMBANG BARU BAGI
PERKHIDMATAN TEKSI DAN KERETA SEWA
DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kadar tambang baru bagi perkhidmatan teksi dan kereta sewa di Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 6/2005 pada 01 April 2005 telah meluluskan kadar tambang baru bagi teksi dan kereta sewa menggantikan kadar tambang lama yang berkuat kuasa sejak tahun 1996.

KADAR TAMBANG

3. Kadar tambang baru adalah seperti berikut :

TEKSI

- | | |
|----------------------------|---|
| (Kenderaan Bergerak) | - 1 km pertama atau sebahagian daripadanya (RM2) |
| | - Setiap 150 meter berikutnya (10 sen) |
| (Kenderaan Tidak Bergerak) | - 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya (RM 2) (kekal) |
| | - Setiap 45 saat berikutnya (10 sen) (kekal) |

KERETA SEWA

- (Berhawa dingin) - Setiap 1 km atau sebahagian daripadanya (13.3 sen)
- (Tanpa H/Dingin) - Setiap 1 km atau sebahagian daripadanya (11.5 sen)

Senarai terperinci kadar tambang baru seperti **Lampiran A**.

KAEDAH PENGIRAAN

4. Kaedah pengiraan kadar baru tambang teksi dan kereta sewa adalah **dibundarkan kepada 5 sen ke atas**. Sebagai panduan pengiraan dikemukakan contoh-contoh seperti berikut :


Contoh :

| | | |
|--------------|--------------|--------------|
| RM 20.61 sen | | |
| RM 20.62 sen | dikira | RM 20.65 |
| RM 20.63 sen | | |
| RM 20.64 sen | | |
| RM 20.65 sen | kekal (sama) | |
| RM 20.66 sen | | |
| RM 20.67 sen | dikira | RM 20.70 sen |
| RM 20.68 sen | | |
| RM 20.69 sen | | |

TARIKH KUAT KUASA

5. Kadar tambang yang baru akan berkuat kuasa apabila ia diwartakan yang dijangka mulai **1 Mei 2005**. Pengusaha teksi dan kereta sewa tidak boleh melaksanakan kadar tambang baru sebelum ianya diwartakan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya terdapat pengusaha yang tidak mematuhi arahan ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”



(MUSA BIN MUHAMAD)

Setiausaha
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Kementerian Pembangunan Usahawan dan koperasi
Malaysia.

15 APRIL 2005

Salinan Kepada :

Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan
Bahagian Penguat kuasa
Aras 1, Blok D Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA.

Ketua Polis Negara
Polis Diraja Malaysia
Bahagian Trafik
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR.

Ketua Pegawai Eksekutif
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer,
PUSPAKOM Sdn. Bhd.,
No. 553A-E, Tingkat 3 & 4,
Batu 3 ½, Jalan Ipoh,
52100 KUALA LUMPUR

Edaran Dalaman :

Y.B. Pengerusi LPKP

TKSU (P)

Semua LPKP Wilayah

KADAR TAMBANG BARU PERKHIDMATAN TEKSI DAN KERETA SEWA BERKUATKUASA MULAI 1 MEI 2005

| 1. | Kadar Sedia Ada | | Kadar Baru Yang Diluluskan | |
|----|---|---------|---|----------------|
| 1. | Teksi (Tambang Kenderaan Bergerak) | | | |
| | 2 km pertama atau sebahagian daripadanya | RM 2 | 1 km pertama atau sebahagian daripadanya | RM 2 |
| | Setiap 200 meter berikutnya | 10 sen | Setiap 150 meter berikutnya | 10 sen |
| 2. | Teksi (Tambang Kenderaan Tidak Bergerak) | | | |
| | 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya | RM 2 | 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya | RM 2 (kekal) |
| | Setiap 45 saat berikutnya | 10 sen | Setiap 45 saat berikutnya | 10 sen (kekal) |
| 3. | Kereta Sewa Tidak Berhawa Dingin | | | |
| | Setiap 1 km atau sebahagian daripadanya | 8.5 sen | Setiap 1 km atau sebahagian daripadanya | 11.5 sen |
| | Kereta Sewa Berhawa Dingin | | | |
| | Setiap 1 km atau sebahagian daripadanya | 9.8 sen | Setiap 1 km atau sebahagian daripadanya | 13.3 sen |